

## ABSTRAK

Tesis ini adalah satu penilaian terhadap penulisan tiga buah buku tatabahasa bahasa Melayu, iaitu **Pelita Bahasa Melayu (Penggag Satu), Tatabahasa Dewan, dan Sintaksis-Wacana "Yang" Dalam Bahasa Melayu**. Kajian ini bersifat perbincangan dengan menggunakan 'Teori' Atqakum yang berlandaskan konsep-konsep penting dalam Pengajian Melayu yang lebih serasi dengan bawaan dan jati diri bangsa Melayu.

Kajian ini cuba menetapkan ciri-ciri yang perlu ada di dalam penulisan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu yang berlandaskan ciri-ciri terbaik serta kekuatan yang ada dalam buku-buku tatabahasa tersebut. Kajian ini juga membuat perbandingan pengupayaan 'Teori' Atqakum berdasarkan buku-buku tatabahasa yang dikaji, serta mengemukakan model cadangan bagi penulisan tatabahasa bahasa Melayu, di samping mengemukakan gagasan cadangan penulisan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu pada alaf baharu ini.